

04 NOV 1997

Mahathir -kritik

PEMIMPIN PERLU TERIMA KERITIKAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Masyarakat dan pemimpin masyarakat perlu menerima kehadiran penkritik kerana tanpa mereka masyarakat boleh melencong ke jalan salah, puas hati dengan apa yang dilakukannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata penkritik sangat diperlukan oleh mereka yang memainkan peranan utama dalam masyarakat kerana "Tanpa kritikan mereka tidak akan tahu apabila mereka salah, dan mungkin tidak tahu apa yang berlaku di sekeliling mereka".

Dalam kata-kata aluan untuk buku yang ditulis oleh anak perempuannya, Marina, bertajuk "In Liberal Doses", Dr Mahathir, bagaimanapun berkata pengkritik juga boleh terbawa-bawa dengan kebijaksanaan mereka ataupun dengan pengaruh mereka.

Katanya pengkritik mempunyai kuasa walaupun tidak bersandar kepada mana-mana pihak berkuasa secara rasmi atau dari segi undang-undang.

Buku itu ialah koleksi rencana-rencana yang ditulis oleh Marina sejak tahun 1991 dalam ruangan "Musing" akhbar The Star yang dilancarkan oleh Prof Chandra Muzaffar di sini hari ini. Ibu penulis, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali turut hadir pada majlis itu.

Dr Mahathir berkata pengkritik "perlu ingat bahawa mereka selalunya betul tetapi tidak sentiasa betul, terutamanya, apabila kritiknya diasaskan dari khabar-khabar angin dan tidak disokong dengan penyelidikan wajar, kesan ke atas yang dikritik mungkin menyakitkan".

"Dan ini tepat sekali kerana oleh sebab-sebab tertentu pengkritik tidak boleh diserang," tambahnya.

Dr Mahathir berkata kita hidup dalam masyarakat yang tidak sempurna dan kita semua individu yang tidak sempurna, tetapi ini tidak boleh dijadikan alasan untuk kita tidak cuba untuk menjadi sempurna, melakukan apa yang betul dan mengelakkan dari yang salah.

"Untuk mengetahui bila kita salah dan bila kita betul, kita perlukan cermin dan pengkritiklah yang memegang cermin untuk kita melihat diri sendiri," katanya.

Bagaimanapun, kata beliau, pengkritik juga perlu melihat cermin dan "sekiranya kita terima bahawa kita semua tidak sempurna mungkin apabila mereka melihat cermin mereka akan lebih toleran dengan kelemahan dan kesalahan orang lain."

Dr Mahathir berkata beliau juga ada menulis untuk akhbar ketika masih muda untuk mendapat wang selain dari merasakan perlu mengkritik pentadbiran penjajah yang meminggirkan masyarakat.

Katanya beliau terlalu muda waktu itu untuk mengetahui kelemahannya sendiri dan tidak faham mengapa perkara-perkara yang betul tidak dilakukan.

Mengenai anaknya, Marina, Perdana Menteri berkata beliau (Marina) lebih matang sewaktu mula menulis dibandingkan dengannya dan pengamatan Marina lebih tajam darinya.

Katanya beliau tidak selalunya setuju dengan pendapat Marina dan begitu juga dengan Marina sebaliknya.

Dr Mahathir berkata ruangan Marina jelas bebas dan pendapat-pendapat yang dikeluarkan tidak mencerminkan sikap kerajaan, walaupun dengan "hubungan erat Marina dengan "establishment".

"Mungkin orang bertanya di mana beliau (Marina) perolehi sikap tidak mahu bergantung (sense of independence), sikap tidak mahu menurut (not to conform), mengkritik dan tidak hanya menyanjung mereka yang mempunyai

kuasa," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA
AKT WAT